



BUKU-BUKU INI BOLEH DI DAPATI DI **KEDAI BUKU PENERBIT UMS** DI BANGUNAN ANJUNG SISWA HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMI



Buku ini memaparkan penerangan lengkap tentang konsep-konsep asas pembelajaran teknologi elektrik. Ia adalah sumber sokongan pengajaran dan pembelajaran kepada para pelajar yang amnya bukan pelajar kejuruteraan elektrik dan elektronik. Buku ini dirangka khusus untuk para pelajar memahami konsep teknologi yang bermula dari asas penghasilan teknologi elektrik itu sendiri. Edisi Jilid 1 ini terdiri daripada asas Kejuruteraan Elektrik dalam unit-unit S. I., di samping membincang dan membentangkan huraian deskripsi pelbagai konsep dan prinsip-prinsip asas kejuruteraan elektrik yang mudah difahami kerana ditulis dalam bahasa Malaysia. Pelbagai konsep kejuruteraan dibincangkan dalam buku ini seperti teorem rangkaian D.C., Arus Elektrik dan Teori Ohm, Elektrostatik, teorem-teorem asas teknologi elektrik, pengenalan kepada asas komponen-komponen dan pengiraan litar-litar selari dan sesiri. Selain kegunaan para pelajar di peringkat ijazah pertama, buku ini juga

berguna kepada para pelajar yang mengikuti kursus di peringkat sijil dan diploma.

**Pengarang** : Ir. Dr. Ahmad Mukifza Harun  
**ISBN** : 978-967-0521-88-6  
**Harga** : RM70.00



Pentaksiran merupakan elemen penting dalam semua proses pengajaran dan pembelajaran. Ia bukan sahaja membantu proses pembelajaran pelajar, malah berupaya meningkatkan keberkesanan pengajaran seseorang pendidik. Aspek utama yang dihuraikan dalam buku ini adalah tentang konsep asas dan amalan yang berkaitan dengan pengujian, pentaksiran dan penilaian dalam pendidikan. Buku ini mengesyorkan panduan lengkap mengenai pelaksanaan pentaksiran termasuklah pembinaan jadual spesifikasi ujian, pembinaan item ujian, pentadbiran ujian, interpretasi skor ujian, analisis item dan pelaporan penilaian. Selain itu, pentaksiran melalui portfolio dan penggunaan teknologi dalam pelaporan penilaian juga dipaparkan dalam buku ini. Dengan laras bahasa yang mudah dan penggunaan rajah, pembaca diharapkan dapat

memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan dan maklumat yang berguna dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran. Buku ini sangat sesuai dijadikan rujukan untuk semua pendidik seperti pensyarah, guru dan juga bakal guru di semua institusi pendidikan.


**Pengarang** : Vincent Pang & Denis Lajium  
**ISBN** : 978-967-0582-55-9  
**Harga** : RM60.00



Buku kerja ini diterbitkan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran kepada buku SPSS Prinsip dan Analisis Data dalam Sains Tingkah Laku yang pernah diterbitkan oleh para penulis sebelum ini. Ia bertujuan bagi membolehkan kuliah bagi kursus Analisis Data menjadi lebih interaktif lantaran persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Buku kerja ini membolehkan pelajar mempraktik penggunaan Program SPSS IBM Statistics bagi menganalisis dan menjawab soalan-soalan analisis data yang terdapat dalam buku ini. Buku kerja ini juga membolehkan pelajar membuat tafsiran hasil analisis dan seterusnya melaporkan keputusan analisis mengikut format penulisan yang diminta, iaitu format American Psychological Association (APA). Kandungan buku ini disusun mengikut susunan tajuk dalam buku SPSS Prinsip dan Analisis Data

dalam Sains Tingkah Laku bagi memudahkan para pelajar dan tenaga pengajar membuat rujukan. Dalam dua bab permulaan, dikemukakan soalan dan aktiviti yang berkaitan dengan ciri dan teknik yang terdapat dalam Program SPSS IBM Statistics seperti soalan dan aktiviti tentang penyediaan dan memasukkan data, membuat penyaringan data dan melabelkan data, seterusnya menghasilkan output bagi data yang dianalisis. Dalam bab yang seterusnya, pelajar diminta untuk menjawab soalan, menganalisis data yang disediakan, menghasilkan output analisis dan seterusnya mentafsir dan melaporkan hasil analisis bagi setiap jenis analisis statistik yang dikemukakan. Jenis analisis statistik yang terkandung dalam buku kerja ini disusun daripada teknik analisis deskriptif, inferensi korelasi kepada multivariat.


**Pengarang** : Chua Bee Seok, Ferlis Bullare @ Hj. Bahari & Jasmine Adela Mutang  
**ISBN** : 978-967-0521-87-9  
**Harga** : RM45.00



This book highlights the industrial and organizational issues in Southeast Asia. Humans are very much connected with industries and organizations through jobs, education and its many products and services. The book will firstly introduce the concept of psychology in this setting along with its many issues, challenges and opportunities. Readers will also get to understand the motivational relationship workers have with industries and organizations. Another part of the book will feature the health and safety condition faced by workers and its effects on their families, emotional well-being and musculoskeletal disorders. A final part of the book will provide knowledge on organizational behaviour and how strategies, job satisfaction and leadership styles can shape an outcome of an organization. This book

will help students, academics, practitioners and the general public to understand the psychology facet in industries and organizations.

**Penyunting** : Alfred Chan Huan Zhi, Murnizam Hj Halik & Chua Bee Seok  
**ISBN** : 978-967-0521-31-2  
**Harga** : RM65.00



Buku ini menghimpunkan 12 artikel yang ditulis berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pensyarah dan pengkaji dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke atas Pulau Mengalum. Hasil ekspedisi pada Mei 2015 ke pulau ini yang disertai oleh 30 orang pensyarah dan pengkaji dari UMS telah menghasilkan penulisan yang merangkumi aspek geologi, biologi, marin, sejarah, sosiobudaya, ekonomi dan pelancongan. Buku ini mempersembahkan geospasial guna tanah pulau berkenaan sebagai pemula bab, diikuti oleh perbincangan mengenai sejarah; pangkalan data pulau berkenaan; oseanografi dan batimetri; kualiti air; siput; geologi; batu karang dan alga serta ekonomi dan pelancongan pulau tersebut. Usaha pihak UMS untuk menjayakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan di pulau ini secara ilmiah diharap akan menjadi titik pemula kepada kajian

berikutnya pada masa mendatang. Buku ini juga diharap mampu menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji lain.

**Penyunting : MOHD HARUN ABDULLAH, ISMAIL ALI & ZULHERRY ISNAN**

**ISBN : 978-967-0521-83-1**

**Harga : RM92.00**



**Edisi baharu** : Buku ini memaparkan beberapa teori dan pendekatan kepimpinan dalam sesebuah organisasi. Pemfokusan penulisannya adalah dalam disiplin psikologi industri dan organisasi. Perlu dijelaskan bahawa kepemimpinan merupakan subbidang dalam psikologi industri dan organisasi yang membicarakan penggunaan gaya kepimpinan terhadap pengurusan pengikut. Penulis membahagikan skop perbincangan kepada enam teori utama kepimpinan. Perbincangannya menyentuh kepada perkembangan teori, isu-isu utama teori dan penilaian untuk Teori Sifat, Teori Tingkah Laku, Teori Kontingensi, Teori Laluan-Matlamat, Model Teori Situasi dan Teori Pertukaran Pemimpin-Pengikut. Buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada para pemimpin, pengurus organisasi, pelajar bidang psikologi industri dan organisasi di

institusi pengajian tinggi dan pembaca umum yang ingin mengetahui konsep kepimpinan. Hal ini demikian kerana ia merupakan satu konsep yang berlaku secara berterusan dalam hidup kita, sama ada melibatkan individu lain atau diri sendiri.

**Pengarang : Nurul hudani Md Nawi, Mohd.Dahlan Hj.A.Malek, Chua Bee Seok, Ismail Maakip & Mohamad Sophian Nazarudin**

**ISBN : 978-967-0521-89-3**

**Harga : RM45.00**